

**TAK MALU**  
**Chedet.cc**  
**8 August 2017**  
**Tun Dr Mahathir Mohamad**

1. Perasaan malu sudah tidak ada lagi di kalangan ramai anggota Kerajaan hari ini. Mereka tak tahu malu walau apa pun kesalahan yang dilakukan oleh mereka, walau apa pun kebiadaban mereka.
2. Mereka didapati mencuri tetapi mereka tidak sedikit pun berasa malu. Didakwa mencuri, dibukti mencuri – tak mengapa.
3. Dunia panggil mereka pencuri, perasuah, penyangak – tak apa. Senyum sahaja.
4. Kerana perbuatan mereka, negara dihina, dinyatakan sebagai antara sepuluh buah negara yang tertinggi tahap rasuahnya – pun tak mengapa.
5. Negara dipanggil kleptokrasi, negara yang dipimpin oleh pencuri yang mencuri duit Kerajaan – negara yang tidak lagi demokratik – tak mengapa.
6. Perdana Menteri, isteri, anak, kawan, didakwa selewengkan duit negara – okay.
7. Menteri, pegawai tinggi dituduh mencuri duit – tak apa. Tak ada sedikit pun malu walaupun tak dapat bertindak dengan saman malu ke atas yang menuduh. Ugut untuk ambil tindakan undang-undang tetapi tidak buat apa-apa, tak malu.
8. Ada pegawai yang naik pangkat atau dapat jawatan walaupun tidak layak, tidak mengikut aturan peraturan, bercanggah dengan undang-undang – tak malu.
9. Menerima duit yang dicuri, apa salahnya? Terima kasih. Cium tangan pemberi durian runtuh.
10. Diketahui mendapat pangkat atau jawatan kerana cekap membodek, sanggup melaksanakan arahan yang salah oleh boss, pun tak malu.
11. Maruah sudah tidak dijunjung lagi. Biarlah dihina, biarlah dipandang rendah, asalkan dapat duit, dapat tempat, dapat pangkat. Pedulikan maruah.
12. Masyarakat pandang jijik, menyampah – pedulikan. Sesungguhnya kerana mereka ini, bangsa menjadi bangsat di negara sendiri. Tak lama lagi bangsa bangsat ini kehilangan negara, menjadi penumpang di negara sendiri, anak cucu jadi kuli.
13. Ini pun tak mengapa kerana yang tak tahu malu tidak akan berasa malu menjadi pengemis, kuli di negara sendiri.

30 thoughts on "TAK MALU"

1.

2.  [Log in to Reply adelheid](#) Aug 13, 2017 11:22 PM

Tun,

I hope I'm wrong but I think your blogsite is being hacked by some unscrupulous people – some advertisements re the Bible appear to be in this weblog of yours. Please be alert Tun. Don't let the kakistocrat and his asslickers in Umno get away with bullying you. They will do everything in their will to tarnish your name to 'delete' you.

Please take note Tun and be cautious okay.

3.



4. [Log in to Reply](#) **rodin** [Aug 13, 2017 11:10 PM](#)

Hari ni 13.8.2017 menonton berita tv3 mengenai huru hara di majlis nothing to hide 2.0. Teringat kisah Rasullullah dilempar najis. Bolehlah disamakan yang melempar selipar kepada Tun akan menyesal seumur hidup. Kecuali golongan yang dijelaskan dalam surah Al Takathur. Semoga tuhan menunjukkan kebenaran dalam masa terdekat. Saya yakin Tun sikit pun tak gentar dengan tindak tanduk kumpulan yang mensabotajnya. Tidak seperti MO1 yang pengecut. Itulah bezanya antara orang yang benar dengan orang yang bathil.

5.



6. [Log in to Reply](#) **sibotak** [Aug 13, 2017 11:02 PM](#)

Nyata UMNO sekarang UMNO budak higusan

Pemimpin mereka sembunyi di bilik air perempuan .Takut hadapi cabaran.

Juga termasuk AG Apandi

Takkan ia 1MDB terbukti ada unsul Money Laundering sampai sekarang AG Apandi kata tidak ada yg Salah

Well Apandi .Kalau tak malu dengan Kebenaran sekurangnya Malu dengan Anak Cucu sendiri kerana Akhlak anda tidak layak mewakili Undang undang

7.



8. [Log in to Reply](#) **adelheid** [Aug 13, 2017 10:28 PM](#)

Tun,

Like unc LKS said in his blog – our country has not just turned a global kleptocracy but is also now a kakistocracy a state run by unscrupulous unqualified people.

Take care Tun.

9.

10.  [Log in to Reply](#) **asahamat** [Aug 13, 2017 10:08 PM](#)

Assalamualaikum wbt Tun

Saya hanya dapat ikuti perkembangan PH n Tun lewat Youtube.

(2) Tahniah kerana berani buat Nothing To Hide 2.0. But takziah kpd organizer yg saya kira gagal guna kepakaran orang lama dlm SB dan bahkan IT utk awasi "serangan tidak malu" yg berkaitan ke atas Tun. Saya yakin ramai x-SB yg sokong dan sedia bantu PH. Apakah mereka ini digunakan sepenuhnya?

(3) From now onward, the threat to Tun should never b underestimate. Not necessarily those come from BN, but more dangerous those may come from third unknown parties. Semoga PH lebih sedia dan berhati2.

(4) In Shaa Allah, jika kita jujur dan benar, Allah pasti bersama kita yg berani dgn penuh kebijaksanaan.

11.

12.  [Log in to Reply](#) **adelheid** [Aug 13, 2017 9:45 PM](#)

Dear Tun,

I hope you are aware of the advertisements that appear in your blogsite; I have noticed a couple of ad that could cause confusion and negativity amongst your Muslim readers. Please take note Tun.

On today's Shah Alam incident, I believe Umno and its kepala-kepala samseng have everything to do with it. Their lackey so sorry to say the one under our IGP pun ada bau-bau bacang. Have lost faith and trust in them a long time ago Tun.

Maybe Najib, Zahid, Hishammuddin and their Umno Bn think that the people can be fooled. Sorry to say here the more they persecute you and the other Pakatan Harapan leaders like LKS, the more we the common rakyat loathe Umno and Bn. There is no way we will succumb to their stupid manouvering of the situation today.

Tun, you just be wary of the many stupid things that Umno will resort to doing just to remain in power.

Take good care of your safety Tun.

13.

14.  [Log in to Reply](#) **tanjungsetia** [Aug 13, 2017 7:24 PM](#)

Assalamualaikum wbt

Sepanjang sy mengikuti blog chedet ini tidak pernah sekalipun sy meninggalkan sebarang komen atau maklum balas di setiap artikel yg TDM keluarkan. Bukan sy sombong atau malas tapi sebaliknya sy lebih suka membaca komen2 drpd semua yg mengikuti blog ini.

Sy sebagai seorang warganegara Malaysia pd hari ini amat berasa malu yg tak terhingga dgn apa yg terjadi. Dengan isu2 berkaitan DSN serta puak2 beliau sy rasa sangat memalukan Malaysia terutamanya orang2 melayu kerana kebanyakan puak2 DSN ini majoritinya adalah melayu.

Sebagai pemimpin adalah tidak wajar mereka saling balas membalas dan ungkit mengungkit seperti budak2 sekolah bergaduh sesama sendiri akibat tidak puas hati. Kelakuan mereka2 ini sangat memalukan apatah lagi di usia yg sudah matang. Adab serta sifat kesopanan, merendah diri, hormat menghormati, tutur kata yg baik seperti hilang dlm diri mereka.

Sy tertanya2 sendiri siapakah di antara pemimpin2 ini yg layak utk sy undi sedangkn apa yg sy perhatikan tiada seorang pun yg layak. Tiada seorang pun yg sy nampak bijak, pandai memimpin rakyat, mahupun baik dr segi mental dn fizikal. Mereka ini tidak sedar apa yg mereka kata banyak mempengaruhi rakyat dari segi negatif berbanding positif. Mereka ini yg sebenarnya memecahbelahkan rakyat tapi menuding jari pada orang lain.

Saya tidak pernah berasa malu seperti ini tapi sy lihat mereka2 ini langsung tidak ada perasaan malu bahkan membangga2kan apa yg mereka katakan dan lakukan. Mereka masih mampu tersenyum lebar dan mengunjungi orang ramai seperti tiada apa2 yg berlaku. Tebal sungguh sifat tak tahu malu mereka. Melihat sahaja muka2 mereka di televisyen sy sudah muak dan dengan automatiknya sy off televisyen tanpa kompromi. Akhbar2 pun sy berhenti membeli, sekadar membaca berita di internet dari sumber2 yg boleh dipercayai.

Sy mahu rakyat membuka mata dan akal fikiran, nilailah pemimpin kita dan apakah kita mahu kehidupan sekarang ini berterusan dan apakah yg akan berlaku pada masa hadapan. Kita sebagai rakyat meminta DSN dijatuhkan bukannya kerajaan seperti yg diwar2kan oleh puak2 DSN.

Sekian, wassalam

15.



16. [Log in to Reply adelheid](#) Aug 13, 2017 7:19 PM

Dear Tun,

Semoga Tun sihat sentiasa dan menjaga diri serta keselamatan selalu.

Tun,

Obviously these people have no shame, no moral values, no self respect. They are obviously hanging on to their last grip of power. They will do anything, they cannot afford to lose. They will resort to crazy things.

What transpired today @ Nothing to Hide 2.0 was one of their wicked works, kerja orang yang dah mati akal dan mati jalan. They will show more of their true selves, satan in human form, in their self proclaimed but fake 'true Islamist' konon. They have realised they are losing the battle.

Stay strong Tun Mahathir amidst all this persecutions. You must also remember to stay safe wherever you go. My prayers the people's prayers are with you.

Love you dear Tun and Tun Siti Hasmah too.

17.



18. [Log in to Reply musato](#) Aug 13, 2017 8:02 AM

Assalamualaikum Tun.

Saya berhajat untuk menyambung pembicaraan saya.

Lebih lebih lagi terdengar bahawa sekarang terdapat kelab atheis. Kita tidak mahu anak muda kita terjebak dan keliru dalam beragama.

Ber cerita berkenaan alam ghaib. Allah swt telah nyatakan bahawa manusia hanya tahu sedikit tentang itu, dan rahsia alam ghaib adalah milik Allah swt.

Namun dalam menghadapi dugaan hidup kadangkala saya pernah dikelirukan dengan satu keadaan seperti bayi yang tidak mengerti apa apa. Kita tidak tahu apa yang kita lawan.

Namun sekarang saya telah dapat membuat kesimpulan bahawa ia adalah gangguan jin semasa saya belajar di universiti. Semasa itu ia adalah kampus baru siap dibina dan berada di kawasan kaki bukit.

Maklumat terakhir yang saya dengar, kampus universiti saya itu masih berlaku histeria setiap tahun.

Melalui perjalanan itu, saya fikir tanda tanda seperti bermimpi tidak elok yang tidak pernah saya bermimpi selama hidup, keadaan fizikal berubah menjadi kurus, suhu badan terasa sekejap sejuk dan sekejap panas, mental, fikiran dan jiwa terasa berada di awang awangan, cepat marah marah, rasa berputus asa mahu hidup, dada berdegup kencang tanpa apa apa sebab, pergi ke hospital untuk diperiksa, namun tiada apa apa dapat dikesan.

Alhamdulillah saya berusaha mencari maklumat berkenaan ketika itu dan perolehi keyakinan menyatakan maklumat sedemikian setelah menonton beberapa sesi rancangan Perangi Sihir oleh Pak Agus dan juga rancangan perubatan Islam yang lain, yang saya tak berapa ingat.

Tetapi yang terpenting sebenarnya adalah, ketika di sekolah rendah atau menengah, semasa sesi menghafal Ayat Kursi, ustaz saya pernah memberitahu bahawa ayat yang terakhir itu adalah ayat yang penting.

Sebenarnya ketika berada dalam dugaan, saya tidak dapat melepasi bacaan ayat terakhir Ayat Kursi itu semasa di alam mimpi. Banyak kali. Seperti kata ustaz saya.

Alhamdulillah saya pernah bersekolah rendah dan menengah. Tanahairku.

Terima kasih Tun.

19.

20.  [Log in to Reply Hajar](#) Aug 12, 2017 11:16 PM

Salam YAB dan Yang DiSanjungi Tun,

1. Sebenarnya ramai yang muka tidak tahu malu atau 'muka tak malu' dalam dunia ini.
2. Sifat malu hilang sebab makan benda / wang (hasil) haram.
3. Biasanya orang muka tak malu akan cuba menutup kesalahan2 diri sendiri (yang telah terbukti / terbongkar) dengan cuba mereka-reka cerita (fitnah) atau menimbulkan isu remeh-temeh untuk memalukan atau mengenakan orang lain.
4. Ada juga pihak yang tidak tahu malu yang menuduh secara membabi buta orang lain sebagai 'pembodek kuat sipolan-sipolan', dan menuduh orang lain 'makan dedak' tetapi bila diminta untuk kemukakan bukti, hampeh belaka (gagal). Makna 'pembodek & penyokong tegar' pun mereka kurang faham.
5. Sekarang PM Najib @ Ah Jib Gor dan konco-konco beliau yang muka tak malu semakin sibuk membuat serbuan untuk mencari kesalahan Tun anak-beranak. Harap Tun dan keluarga banyakkkan bersabar.
6. Sipolan-Sipolan (muka tak malu sebab tidak tahu adab bila masuk blog Tun) yang sentiasa menyalahkan Tun di atas segala kesalahan yang dilakukan oleh PM Ah Jib Gor & geng sudah tentu 'gembira' (lega) melihat Tun anak-beranak diserbu oleh konco-konco rejim Najib.

Terima kasih Tun.

– Semoga Allah SWT sentiasa merahmati Tun sekeluarga –

21.

22.  [Log in to Reply musato](#) Aug 12, 2017 8:00 PM

Assalamualaikum Tun.

Petang tadi saya mengarang terlalu lama tanpa sedar kuasa bateri habis.

Jadi kali ini saya terus pergi kepada kesimpulannya.

Berkenaan kekeliruan dalam beragama di Malaysia.

Walaupun banyak kali saya berkata tentang tasawuf, namun janganlah kita memandang bahawa tasawuf yang benar itu adalah menyalahi adat dan hukum hakam seperti yang kita tengok amalan amalan di Malaysia.

Islam di Malaysia adalah benar.

Kita adalah Ahli Sunnah Wal Jamaah. Kita mengikut imam as syafie di Malaysia ini.

Walaupun kita tidak pandai secara terperinci tentang Ahli Sunnah Wal Jamaah namun, dengan perasaan hati yang selesa, itu sudah cukup bagi kita mengatakan Ahli Sunnah Wal Jamaah itu adalah jalan yang benar.

Kita bersembahyang, berpuasa, mengerjakan haji, membayar zakat dan amalan amalan biasa yang kita nampak dan berlaku di Malaysia adalah mengikut seperti yang kita belajar di sekolah rendah dan menengah.

Tiada keraguan tentang itu.

Berkeenaan dengan pendapat pendapat yang berlainan dan bercanggah dengan hukum hakam seperti ustaz dan mufti dan alim ulama katakan, pendapat yang berlainan tentang itu perlu diperhalusi kerana berkemungkinan ia menyosang dari ajaran Islam yang sebenar.

Bagi mencari jalan kebenaran, boleh saya katakan Islam di negara kita Malaysia adalah Islam yang sebenar benarnya.

Usah kita campur adukkan dengan parti PAS, UMNO, PKR, PPBM, Amanah, DAP.

Kemahiran memimpin adalah berada pada satu sudut yang lain.

Jangan risau tentang kekeliruan kerana yang mengelirukan manusia tentang agama adalah manusia itu sendiri.

Seperti kata Syeikh Abdul Qadir Al Jailani dalam majlis kepada manusia, wahai celaka!

Terima kasih Tun.

23.



24. [Log in to Reply](#) **Krisemas** [Aug 12, 2017 7:46 PM](#)

Salam Tun. Walaupun sudah terang lagi bersuluh, susah juga nak kalahkan puak-puak yang tak tahu malu ni. Sebabnya saya fikir ramai rakyat yang selesa dengan "status quo" yakni takutkan perubahan; bak kata pepatah orang putih "better the devil that we know than the one that we don't".

Mungkin ada cara. Caranya simple tapi mestilah bergeliga. Saya nak tulis panjang lebar pun takut juga. Email.

25.



26. [Log in to Reply](#) **Mat.Tandang** [Aug 12, 2017 12:47 PM](#)

Salam Tun,

Rakan penyokong Tun,

1.Memetik kata Hishamudin Rais, saya stuju, point skrg ialah memenangi hati rakyat dan menang pilihanraya GE14.

2. Soal siapa PM cuma masalah kecil, secara logic akal tentu, dan one and only Tun Mahathir.
3. He is The State Man, no doubt. We have no time to think. Ini jawapan saya.
4. Full stop.
5. Skrg kita kena pecah kan record dunia dgn menghancurkan umnobnpas, hancur kan tembok batu halang itu.

27.



28. [Log in to Reply](#) **asahamat** [Aug 11, 2017 4:30 PM](#)

A second thought Tun. This, Amanah men can elaborate the best ....

Di Badar SAW hampir 2 tewas oleh Khaleed Al Waleed, Abu Sufyan dll. Inilah dua musuh Islam yg sangat hebat waktu itu.

(2) Sampai waktunya, di Hudaibiyah, SAW tanpa menumpah setitis darah membawa Khaleed Al Waleed dan Abu Sufyan kembali ke Islam dan dgnnya kemudian Umar Al Khataab yg juga asalnya musuh besar Islam dapat menumbangkan Byzantium dan Farsi di Damshek dan Baghdad. Makkah SAW kembalikan kpd Islam tanpa ada pertumpahan darah @ pergelutan apapun. Such indeed a beautiful history of SAW.

(3) Utk apa Allah adakan peristiwa itu, jika dilihat dari sudut kemelut Melayu dan Negara kini?

(4) Dlm PRU 11, Tun sangat dibenci Melayu oleh sebab faktor Anwar. Tun juga dibenci Cina dan India bersebab DAP yg melihat Tun sebagai Mahafiraun. Segala tohmahan disimbah basah pd Tun. Namun kerana Tun negarawan yg pentingkan Negara dari kedudukan diri, berikrar akan berhenti dan Abdullah dilihat sebagai "Nice Man", dlm PRU12, rakyat memberikan BN n UMNO mandat yg cukup luar biasa. Abdullah walked proud dgn dada tinggi kata "Saya PM yg paling dapat mandat tertinggi rakyat". But that is now a painful history.

(5) Well, hakikatnya, to me, these two Histories, Tun let fight with all the hikmah. Let fight in the way of SAW. Let treat UMNO & BN -Najib MO1 lead as the potential defeated Maccan and Najib MO1 be later "we can just silent him off to his deserted self".

(6) Anwar, LKS, Mat Sabu, Azmin, Mahfuz etc are " Khaleed & Abu Sufyan" that now are trojans to move PH ahead with you to guide to the best genuine and honest fight .... my belief, not only Macca @ UMNO-BN will be defeated with not much fight but Byzantium n Persian ie the Greater Msia we can succeed in Post Mahathir-PH struggle as SAW did. That is the correlation of the 1400 yrs ago Islamic History with our today challenges.

(7) Pls just let LKS, LGE, Tony and those alike, Byzantium and Persian colapsed in the hands of Islam were not due to Khaleed and Abu Sufyan but by Umar Al Khataab much better zuhud n trusted men. In another words, let the Malays handle the Malays, the Chinese ie DAP pls take the back seat and just be strong on board. The Malays hate being told by none others by their own blood. DAP must understand this not to forever their regret of politically failure!

In Shaa Allah Tun. Let work on matter that can hit the heart of our rakyat to win. Kita boleh, In Shaa Allah.

29.



30. [Log in to Reply](#) **asahamat** Aug 11, 2017 3:25 PM

Assalamualaikum wbt Tun.

Maruah dulu2 harus diperolehi pd jln baik pd adat Melayu dan Islam. Masyarakat jelas sikap mereka pd kedudukan dan kemewahan yg tidak diperolehi secara adat dan Islam.

(2) Dalam dunia NBOS ie Najib MO1, semua kena dilihat secara terbalik. Cara tidak penting. Matlamat penting. Najib MO1 nak syurga, tidak dpt yg di Akhirat, dapat yg dunia, pun syurga juga nama dan nikmatnya. Najib MO1 samalah tarafnya dgn Si Lunchai hanyut dgn labu2nya ..... biarkan dia dulu!

(3) Your this article almost hit hati nurani rakyat. Almost there. Substance sudah ada. Cara penyampaian belum ada. Pls get Sanusi Junid to sit down with PH speakers to drum this up .... Mat Sabu, Mahfuz, dan yg "jokers" boleh gemparkan hati nurani rakyat dgn baik jika they teamup with Sanusi Junid. The rest, they will pickup from there. To me something that are close to Malays' adat n Islam, definitely akan menyentuh hati nurani rakyat biasa2.

(4) Contoh, bila Najib MO1, Komidi, Nazri bahkan KJ biadap dgn "Orang tua", itu Melayu dan Islam tidak boleh terima. Bila Tun cuba dikaitkan dgn "bangsa rendah pariah" when indeed what said was not factual and your jasa were and are too huge, itu cukup biadap. Sebegitulah penghinaan lain2. Tun boleh dan harus terus sabar, but within your circle, there must be people to articulate on these biadap things ...

(5) Banyak lagi. Itu hanya satu contoh.

Semoga Allah terus betulkan kita yg lurus di jlnNya, dan sesat dan kecundangkan Najib MO1 yg ingkar kpdNya. In Shaa Allah kita boleh!

31.



32. [Log in to Reply](#) **Fariq Islam** Aug 11, 2017 3:15 PM

Assalamualaikum, Tun.

Kritikan Tun berasas dan tidak boleh diragui, yang budaya dan mentaliti segelintir besar telah merosot ke tahap yang teruk.

Sila bayangkan berapa orang di sekeliling kita yang meminjam duit PTPTN dan enggan membayar balik, tanpa mempertimbangkan kebajikan generasi yang akan datang!

Begitu juga dengan kumpulan yang tidak layak tetapi masih meminta sedekah BR1M, seakan-akan duit ini bagaikan "durian runtuh"! Bagi warga sebegini, pembayaran zakat dan fitrah tidak lagi bermakna!

Alangkah memalukan...

33.



34. [Log in to Reply](#) **Dave Copper** [Aug 11, 2017 9:02 AM](#)

Commenters, please leave China alone in your attack of Najis. Because foreign investments are always welcome, furthermore, they are not here to take, but rather they invest with hard-earned money. Money brings property to the economy of the country, so stay away.

35.



36. [Log in to Reply](#) **zz** [Aug 11, 2017 8:55 AM](#)

Fenomena tak malu ni memang sindrom orang Melayu kini! Berleluasa menggunakan kuasa melantik kaum kerabat dlm syarikat2 GLC menjawat jawatan tinggi, mendagang agama, selamba mengkhianat utk kantung perut sendiri dsbnya. Kalau bab malu tentang berpakaian menjolok mata, org melayu memang juara!

Begitu juga kalau 'rivalry' sesama bangsa. Hebat! Apa yg Najib penjenayah buat memang pada Tun memang tipikal tindakbalas org melayu. Bukan main dia bertindak mengerjakan lawannya. Bila kena bab bukan Melayu, menikus. Ibarat juara kampung! Yang paling hebat ialah lagaknya! Seperti manusia hebat & seperti malaikat. Itulah menifestasi sifat melayu kini, Najib telah mengekspresikan sifat melayu yg ramai pada hari ini! Mereka inilah penghancur wawasan 2020 & mereka golongan yg berkedudukan!

37.



38. [Log in to Reply](#) **anti rasuah** [Aug 11, 2017 7:43 AM](#)

Assalamualaikum Tun.

Sifat MALU yang perlu ada pada setiap pemimpin khususnya pemimpin no 1. Jika mereka ini tiada sifat malu maka lahirlah pemimpin yang ada banyak ciri negative berbanding positif seperti:

1. salah guna kuasa;
2. salah guna wang rakyat;
3. tidak bijak mengurus wang rakyat;
4. tidak bijak mentadbir Negara;
5. duit masuk ke akaun peribadi, suka cakap bohong;
6. beri keutamaan kepentingan keluarga melebihi kepentingan Negara;

7. suka memuji diri sendiri, masuk bakul angkat sendiri;
8. suka dipuji;
9. menipu rakyat yang kurang berpengetahuan ekonomi;
10. menipu rakyat yang kurang cerdas tentang ilmu politik;
11. menipu rakyat bahawa GST itu baik untuk masa depan Negara, dalam masa yang sama menggunakan hasil keuntungan GST untuk perkara yang membazir;
12. menipu rakyat yang kurang cerdas tentang 1MDB kononnya ianya ditubuhkan untuk kebaikan Negara;
13. tidak bersifat gentleman seperti tidak pernah mengadakan PAU untuk memilih presiden dan timbalan presiden dalam UMNO selepas peralihan kuasa dari Dohi Badawi sejak 2009, malah memberi alasan bodoh untuk kekal no 1 dalam UMNO;
14. pemimpin yang jelas mengaku CASH IS KING;
15. pemimpin bersifat DAYUS KERANA TAKUT PADA ISTERI dan membenarkan isteri campurtangan dalam urusan pentadbiran negara;
16. pemimpin yang menghabiskan duit rakyat dengan menggajikan ramai penasihat-penasihat dari luar Negara;
17. pemimpin yang tidak jujur pada diri sendiri malah tidak jujur pada rakyat;
18. pemimpin yang syok sendiri;
19. pemimpin yang menyerang peribadi orang lain;
20. pemimpin yang nyata hanya suka dipuji sepanjang masa;
21. pemimpin yang jelas tiada integrity;
22. pemimpin yang bodoh tetapi berlagak bijak;
23. pemimpin yang banyak menjual kepentingan dalam Negara kepada pelabur asing, seperti memberi keuntungan jangka panjang kepada pelabur dari China khususnya "freehold" Tanah dan kedaulatan Negara;
24. pemimpin yang semakin membanyakkan hutang luar Negara;
25. pemimpin yang menyebabkan matawang Negara semakin jatuh berbanding Negara-Negara jiran dan kebanyakan Negara dunia lain;
26. pemimpin yang bersikap bermuka-muka seperti Nampak banyak memberi tetapi sebenarnya banyak mengambil wang rakyat seperti GST;
27. pemimpin yang menyebabkan kos sara hidup rakyat meningkat sepanjang 9 tahun mentadbir Negara;

Banyak lagi sifat-sifat pemimpin yang tidak tahu malu ini ada pada NAJIS RAZAK.

NAJIS RAZAK ini tidak ubah seperti:

TIDAK TAHU MENARI DIKATAKAN LANTAI JONGKANG JONGKET

Wassalam Tun.

39.



40. [Log in to Reply HouseWifeAug 11,2017 1:01 AM](#)

Assalamualaikum Tun,

Saya tertanya2 kenapa mereka yang duduk diatas kerajaan sekarang begitu taksab membela MO1 seolah2 satu kelumit kesalahan tak ada terpalit padanya? Mereka tak rasa malukah kepada dunia luar yang seperti rakyat Malaysia ternanti2 suara mereka membela dan merungkai kekusutan rakyat dengan hujah2 bernas dan benar bukan hanya membela MO1 dengan menyindir Tun? Kalau ya pun nak bela boss mereka kenapa guna ayat-ayat biadap menghina, mengutuk dan menfitnah Tun sekeluarga dan keturunan Tun? Kenapa tak bolehkah mereka hadapi sebarang kenyataan Tun secara matang dan profesional? Kenapa mereka ini berlagak sungguh pandai dan sangat suci? Kenapa apabila rakyat menunjuk dan menerang kesilapan mereka, mereka tidak kata saja; "ya kami mengaku silap dan akan betulkan kesilapan itu, terima kasih kerana perihatin" tetapi membalas keperihatinan rakyat dengan ugutan, tangkapan polis dan serbuan LHDN? (selepas Petronas dan Proton Lhdn pula tak ada rasa hormat pada Tun, baguih ke ni?). Kenapa tidak buat siasatan rapi, panggil dan menyoal semua yang terlibat termasuk MO1 dan associates dan Jlo (mana si Jlo ni ya?) Jangan hanya sebut tiada salahlaku dan kes tutup. Oya si ag bf MO1 dah pun isytihar MO1 bersih dan tak boleh diusik.

Rakyat sedang melihat dan menilai cara mereka respon. Kenapa nak marahkan segelintir rakyat yang tidak suka cara biadap mereka respon pada Tun? Walaupun ada rakyat yang diam melihat tingkah laku biadap pemimpin2 mereka hari ini tapi saya percaya mereka tidak buta mata hati, sifat kepura-puraan mereka jelas terpancar. Mereka sogok habuan kononnya berupa bantuan seolah jatuh dari langit, semata2 untuk membutakan hati rakyat dan melihat mereka seperti malaikat. Sampai bila rakyat nak biarkan diri sendiri dipergunakan dan dipermainkan?

Kes skandal kewangan 1MDB, "derma pak arab" RM2.6 billion yang menyelinap masuk akaun peribadi MO1, RM42million wang negara entah hilang kemana, penyelewengan dalam Felda, Mara, KBS dll korupsi yang banyak timbul sekarang sangat memalukan Malaysia. Fokus utama adalah yang bernama PENCURI! Mencuri hasil negara untuk kegunaan dan kepentingan diri sendiri, keluarga dan kawan spesial. Tun TIDAK mencuri wang tabung negara untuk kegunaan peribadi, keluarga dan kawan karib.

Asalnya 1MDB dilahir kononnya untuk membantu negara dan rakyat, dan kononnya hendak menjalankan bisnis untuk dapat untung. Secara licik mereka songlap duit tabung negara seperti TH, Kwsp, Kwap masuk dalam 1MDB untuk jalan bisnis tapi apa bisnisnya ya? Bisnis belum jalan alih-alih2 rakyat baca 1MDB rugi amat teruk...rugi berbillion2! Maka terciptalah gst untuk tampung lubang hutang. Untuk dapat duit sebanyak mungkin dengan cepat kerajaan MO1 tarik balik pelbagai subsidi, harga keperluan asas naik, tol naik, reka pelbagai denda dan tax. Kadang2 terfikir juga duit hasil titik peluh rakyat ini semua dirompak untuk tampung lubang hutang 1MDB ka untuk belanja sakan mereka? Pada rakyat biasa duit dah semakin kecil, lainlah pak2 menteri yang cakap besar dan biadap dengan Tun – semuanya dibayar oleh pencukai rakyat!

Nak clear the people's doubts, sambutlah jemputan Tun ke pentas Nothing2Hide. Kalau MO1 tak sudi atau takut berhadapan dengan Tun then send his best men – ada ramai kan yang berbuih2 cakap bijak tu. Kenapa pula MO1 tak ada masa nak hadir – bukannya jauh berpuluh batu pun, bukannya sampai sehari pun. MO1 kan bijak pandai dah dabik dada kata dah buat banyak benda2 berfaedah macam mrt, ecr1, 1MDB, dapat "derma pak arab" RM2.6 billion (pak arab kedekut dengan Tun), berjaya tarik pelabur2 China, berjaya jual hartanah Malaysia kepada China, berjaya transformasi ini itu, maka dengan kebijaksanaan senang nak patah hujah2 Tun kan. So please don't run away and hide again. Malulah rakyat Malaysia dapat pm asyik lari dan sembunyi je. Hentamlah bulillah Tun depan2 tak usah lagi belakang2, Tun tak kesah. Pengipas2 dan pengampu2 asyik cakap bagi pihak MO1, jangan layan Tun la, jangan pi Nothing2Hide la. MO1 is man enough to speak for himself, right Tun.

In my mind MO1 has done wrong to the country, to the people and to himself. If MO1 thinks otherwise then accept Tun's invitation and prove us wrong and state his innocence. Let the people ask MO1, "Mr PM, will you be devoted to ALL the people? All means all from whatever keturunan and race, your "lovers" and enemies. We are all Malaysians. We want a devoted PM for ALL. So why make those who don't see eye to eye with you your enemy, Mr Pm?" To earn our respect and trust MO1 must face Tun like a man. So far I haven't heard anything smart and convincing coming out from MO1's mouth, all I hear is MO1 badmouthing Tun and family. He lost my respect.

Let us hope MO1 will accept Tun's invitation, get on stage Nothing2Hide and convince us that he has done no wrong, that he is the victim. I hope this talk will not be stopped by the police like the last time. Kalau rasa "malu" tu dah menebal dalam hati MO1 mungkin rasa kesipuan dia nak terima pelawaan Tun, jangan bawa lari kerusi dia simpan dalam stor udah. We'll wait and see.

Kerana Tun nak bantu menegak kebenaran dan Selamatkan Malaysia banyak dugaan Tun terpaksa hadapi dan terima pada usia anugerah Allah ini. Semoga Allah makbul segala usaha Tun dan sentiasa mohon perlindungan dan pertolonganNya. Jaga kesihatan Tun baik2. Terima kasih Tun.

41.



42. [Log in to Reply](#) **Odadjians** [Aug 10, 2017 7:35 PM](#)

Dah sebat berbillion2.. Dah kayakan kroni tak tau malu pulak..

43.



44. [Log in to Reply](#) **musato** [Aug 10, 2017 6:20 AM](#)

Assalamualaikum Tun.

Terima kasih saya ucapkan kepada yang sudi menghubungi saya kerana meminati setiap penulisan saya di sini.

Selama lebih kurang 10 tahun saya di sini, banyak juga yang saya belajar dari Tun dengan mengiringi perjalanan politik/pentadbiran.

Yang penting saya dapat memahami karakter seorang negarawan seperti yang saya pernah doakan dari Allah swt (ketika dalam kesempitan hidup yang amat sehingga tiada nampak lagi arah keluar) untuk saya melihat dan mengikuti perjalanan hidupnya

Pesan saya, karakter seorang negarawan adalah sedikit keras. Seperti kata Tun Hasmah, Tun sudah kurang sikit 'bengkengnye' (garang) sejak dah tua ni.

Mungkin karakter yang keras ini terhasil kerana terdapat prinsip prinsip yang perlu dipegang untuk menjaga kualiti dan keberkesanan. Dalam bab iman dan takwa, ia bagi menjaga hati dari ujub dan takbur. Sombong dan angkuh sesama manusia.

Sesungguhnya yang Maha Besar itu hanyalah Allah swt.

Saya mengaku saya benar benar berasa bertuah kerana dapat mengiringi perjalanan hidup Tun dengan izin Allah swt.

Secara kerohanian, saya tak perlu jadi Perdana Menteri seperti Najib yang berkuasa penuh pun tak apa. Kuasa tidak bermakna apa apa seperti harta yang dikatakan tidak akan dapat menghalang api neraka.

Tetapi kerana kita berada di alam nyata, maka kuasa amatlah diperluakan bagi kita menentukan apa yang terbaik untuk masa depan negara dan rakyat.

Maka marilah kita sama sama BERSATU (sebagai satu wadah perjuangan) bagi memerangi perkara yang mungkar. Iaitu memerangi perasaan tidak tahu malu yang kini telah merebak dalam pentadbiran negara Malaysia. Negara tercinta kita bersama.

Sehari dua ini saya ada terbaca juga berkenaan kelab atheis (tiada tuhan).

Kerana ini adalah blog politik dan kita berbicara dengan negarawan yang berkerjaya politik, jadi saya fikir penulisan saya perlu telus (dan sememangnya kita perlu jujur dan bercakap benar sentiasa). Ia juga bertujuan untuk memudahkan dalam hal penyemakan.

Kerana itulah saya sentiasa tuliskan nama Syeikh Abdul Malek 1650-an (gelarannya Tok Pulau Manis – Terengganu). Ini adalah sejarah Tanah Melayu. Sejarah Batu Bersurat. Nenek saya kata, saya adalah dari susun galur ini.

Satu rumpun yang berdakwah dan mentadbir negara.

Seharusnya kita berdagang kerana Allah swt. Kita berhutang kerana Allah swt. Apabila Allah swt tuntutan hutangNya dan kita tak mampu bayar, maka turunlah ujian ujian dan halangan halanganNya.

Dengan melepasi ujian ujian dan halangan halangan itulah kasihNya, cintaNya kita kepada Allah akan terbit. Betapa indahNya cinta.

Terima kasih Allah kerana memberiku perasaan cinta.

Terima kasih juga kepada yang sudi menghubungi saya.

Terima kasih Tun.

45.



46. [Log in to Reply WandyCaswady Aug 10, 2017 1:35 AM](#)

Assalamualaikum semua...

Maafkan saya kerana tidak malu menumpang menulis di blog chedet.cc ini...

1. Mengapa Allah menjadikan manusia sesetengahnya ada yg bijak... Dan ada yang kurang sedikit dan ada yg lembab sedikit berbanding yg lain nya? Spt OKU atau yg terencat akalNya?

2. Mengapa manusia yg pelajarannya yg lebih tinggi mempunyai gaji yg lebih tinggi dari yg kurang bijak? Seperti orang yg tidak bersekolah dengan orang yang berijazah serta diploma?
3. Apakah semua rakyat mampu untuk menyekolahkan anaknya sehingga ke peringkat ijazah? Ada yg tidak mampu kerana masalah kewangan...
4. Mengapa mereka yang bekerja di dalam bilik berhawa dingin mempunyai gaji yang jauh lebih lumayan berbanding mereka yg berpanas dan berhempas pulas sehingga ke tengahari?
5. Anak Siapakah yg selalunya yg bekerja di dalam bilik berhawa dingin? Yg mampu menyekolahkan anak mereka ke ijazah? Ataupun yg tidak mampu?
6. Ini hanya buah fikiran...
7. Rezeki seseorang datangnya dari Allah yang satu... Anak orang kaya sekalipun... Jika rezekinya hanya sekadar di situ.. disitu lah sahaja rezeki si anak itu.
8. Dunia ini hanyalah ujian... Allah mampu sahaja untuk menjadi semua manusia dimuka bumi ini islam... Tetapi mengapa Maha Satu tidak berbuat demikian? Rugilah jika seseorang itu tidak memikirkannya... Hanya Allah Maha Mengetahui...

Jazakallahu khairan kathiraa kpd yg membaca...

47.



48. [Log in to Reply rimba.emas](#) Aug 10, 2017 12:05 AM

Salam Tun.

1. Nak harap perasaan malu untuk pastikan seseorang itu tidak akan mencuri bukannya sesuatu yang tepat.
2. Sebab kalau malu selalunya seseorang itu akan melarikan dirinya atau mengelak bertembung dengan orang yang mengetahui perbuatannya.
3. Pesalah itu dapat mengelak dari mendapat malu bila orang yang mengetahuinya tidak ambil peduli atau pesalah buat 'don't know' (izin) dengan muka tebal.
4. Melainkan pesalah itu di ambil tindakan sebagai pengajaran. Malah hukuman di dunia sekarang masih ringan jika hendak di bandingkan dengan hukuman tuhan.
5. Malah dalam agama Islam sendiri perbuatan curang di laknati oleh Allah s. w. t..
6. Pesalah itu sendiri di gelar sebagai seorang yang celaka. Berat hukumannya akan di humberkan ke dalam neraka.
7. Bayangkan kita yang menatang bagai minyak yang penuh kepada seorang pencuri sedangkan perbuatan itu di anggap satu jenayah yang berat.

8. Pencuri itu di kutuk oleh Tuhan sebaliknya kita rakyat tidak mahu ambil tindakan malah memberi muka kepadanya.

9. Keadaan ini tidak akan membawa iktibar kepada pelakunya maka akan bermaharajalelah penjenayah itu.

10. Sikap ini akan membahayakan kita rakyat kerana akan menjadi susah jika pesalah itu mempunyai kuasa mutlak ke atas pentadbiran negara.

11. Macam mana akan datang perasaan untuk bertaubat jika kita selesa dalam melakukan perbuatan salah.

12. Sejarah mengajar kita sekali musibah boleh menjadi pengajaran kembali ke pangkal jalan.

13. Dengan tidak menyokong pencuri dalam pilihan raya nanti adalah satu perbuatan untuk menghindar kemungkaran seterusnya.

15. Adakah kita rakyat akan terus menyokong pencuri wang rakyat jika anda mengetahui Kemana wang itu di gunakan ??

Di fahamkan US \$200 juta wang curi itu di guna untuk membeli berlian , permata dan barang kemas. Artis Australia. Miranda Ker sahaja telah menerima hadiah berupa 11.72 karat berlian bernilai US\$ 1.21 juta dan 11 karat anting-anting berlian US\$ 4.05 juta.

Hadiah ini telah di serah kepada DOJ.

-Cuma barangan yang di miliki isteri MO1 masih tidak di pulangkan dalam perbagai jenis yang jumlah keseluruhannya US\$1.3 juta (RM 5.6 juta).

Berikut telah di kesan bahawa PM telah memberi surat sokongan wang yang telah di lesapkan.

Pembayaran palsu aabar berjumlah 855 juta.

BSI 2.3 B.

1MDB 975 juta.

16. Harta dunia ini akan kita tinggalkan hanya amalan (perbuatan di dunia) yang di bawa bersama-sama kita untuk di bicara pada hari akhirat nanti.

Wallahua'lam.

49.



50. [Log in to Reply](#) **anti rasuah** Aug 9, 2017 4:33 PM

Assalamualaikum Tun.

Jika kita nak tahu manusia itu benar-benar baik pada manusia atau rakyat dan beriman pada Allah swt, selepas dia ada pangkat besar, kuasa besar dan duit banyak.

Jika pangkat besar tetapi tidak beriman kepada Allah swt maka berlakulah rasuah dan salah guna kuasa.

Jika kuasa besar tetapi tidak beriman kepada Allah swt maka kepimpinnya tidak disukai oleh majoriti manusia dan rakyat.

Jika duit dan harta banyak tetapi ianya tidak diperolehi dari hasil yang berkat, duit masuk akaun peribadi berbilion ringgit pun tidak tahu duit itu ke mana perginya.

Setiap sesuatu yang berlaku di dunia ini ada hikmahnya.

Mungkinkah lahirnya pemimpin Malaysia seperti Najib Razak ini ada hikmahnya pada masa hadapan? Saya harap kepimpinan seperti DAJAL ini akan lenyap dan digantikan dengan pemimpin yang jauh lebih baik, lebih bijak, lebih beintegriti, lebih amanah, lebih MALU melakukan kesalahan, lebih berilmu ( samada rohani mahupun jasmani ), lebih beriman dan lebih rasional dalam segala tindak tanduknya.

Insy Allah Tun.

Wassalam.

51.



52. [Log in to Reply](#) **akulamd** Aug 9, 2017 11:58 AM

itulah saya generasi pertengahan umur juga amat risau dengan perkembangan politik dan masa depan negara..apa yang terbaik saya boleh buat ialah terus mendidik anak2 akan nilai kehidupan yang baik..agar mereka tidak terjebak dengan fitnah akhir zaman.

saya rasa kita kena semak semula sistem pendidikan negara agar menekankan integriti dan jadi diri pada setiap warganegara.

Zaman tun dulu ada dasar2 seperti dasar pandang ke timur..kempen meningkatkan produktiviti.. seragamkan masa dan waktu.. project kereta nasional, wawasan dan masa depan negara dijelaskan secara details...

zaman sekarang pemimpin hanya nak kejar populariti dengan dasar cash is king...bantuan satu malaysia..bantuan itu ini. hanya pandai mencari pengikut tanpa sedar tanggungjawab sebenar pemimpin iaitu memastikan kesejahteraan dan kelangsungan hidup generasi yang akan datang.

walaupun tun telah berjaya membina pembangunan negara..Kesilapan tun ialah gagal membina generasi pemimpin yang boleh diharap, jika barisan harapan berjaya terpilih pada PU yang akan datang..tanggungjawab pertama yang perlu di buat ialah membina istituti kepimpinan yang mampan untuk bakal2 pemimpin negara...pastikan sistem pemilihan peringkat pemimpin adalah berdasarkan kebijaksanaan dan bukannya sistem pemilihan pada undi yang terbanyak (popular).. mungkin perlu dibuat ujian ,peperiksaan, debat dengan diberi sistem permarkahan yang tertentu..hanya pemimpin yang berkeelayakan dipilih

kelemahan pada sistem komunis dan raja berwaris atau anak bekas pemimpin yang terus dilantik sebagai pemimpin baru (spt najib) ialah anak2 ini tidak mewarisi kebijaksanaan bapanya pemerintah terdahulu.. mereka dibesarkan didalam persekitaran yang tidak membentuk mereka menjadi bertanggungjawab.. tetapi membesar dalam suasana yang populist akibat tekanan jawatan ibupaba mereka..justeru itu banyak sekali sejarah ketamadunan manusia runtuh akibat sistem pemimpin berwaris seperti ini... islam sendiri mengusulkan konsep musyawarah dalam memilih ketua.. hanya yang paling layak dipilih..bukannya yang paling popular.. raja2 melayu sebagai ketua negara perlu lebih aktif didalam sistem pemerintahan negara.. bukan sekadar simbol untuk disembah rakyat... buat baik dibalas baik.. buat jahat pasti ada azabnya..

53.



54. [Log in to Reply kamalia](#) Aug 9, 2017 11:54 AM

Terbaik TUN !! inilah suara hati rakyat...kami MALU ada pemimpin muka tebal, curi duit tapi muka selamba badak, amat hairan begitu rendah maruah si NAJIB, langsung tak ada sekelumit rasa malu. Apalah yg si ROSMAH badak jampi, kelihatan begitu bodoh sekali NAJIB tanpa sekelumit maruah.

Tapi apakan daya, melayu sendiri pun TIDAK MALU dan masih menyokong si pencuri NAJIB. Ini amat mengejutkan!. Apakah ini genetik MELAYU??Saya malu dengan sikap orang kita,amat malu. Mungkin ini penyebab tanah melayu ini mudah dijajah. Dijajah berkali2 oleh pelbagai bangsa asing, kerana SIKAP tamak pemimpin yang muka setebal kulit badak.

Parti Tok Lebai pun tercabut lebai. Sultan2 dan Raja2 masih kenyang seronok bersemayam di takhta.Mengecewakan!

Rakyat Malaysia sekalian,sedarkah negara kita sudah dimasuki PENCURI!!! Apakah semua penghuni rumah Malaysia ini tidur. BERSATULAH menentang kejahilan dan kemaksiatan. Kita bersatu kita akan kuat.

Sedangkan Thaksin boleh dijatuhkan. Kerana rakyatnya bersatu. Menentang bersatu hati berbulan2 dan akhirnya jatuh jua. Sikap rakyatnya beginilah menjadikan negara Thailand tidak pernah dijajah.

Saya amat risau apa akan terjadi sekiranya NAJIB masih boleh berkuasa selepas pilihanraya. Saya tidak fikir MELAYU masih sedar, berapa peratus yang peduli politik??

55.



56. [Log in to Reply musato](#) Aug 8, 2017 9:07 PM

Assalamualaikum Tun.

#najiblanun

#najiblanun

#najiblanun

#najiblanun

#najiblanun

57.



58. [Log in to Reply](#) **ismadi** Aug 8, 2017 4:09 PM

Salam Tun Mahathir,

Sebahagian kakitangan Kerajaan ada yang bersungguh kerja secara jujur dan amanah dan mereka juga berasa kesal di atas perbuatan rakan rakan sekerja mereka.

Berkenaan bodek membodek Boss yang kini menjadi trend di kebanyakan Jabatan jabatan Kerajaan, sememangnya mereka melakukan sedemikian kerana Boss yang menyukainya. Boss di Malaysia ini memang suka di bodek dan meletakkan kualiti kerja di tempat kedua. Siapa bodek lebih, naik pangkat ler.

Hasil kerja bodek ini, yang berada di atas kini adalah yg tidak mempunyai daya kreativiti, otak kosong, pengecut, tidak berani menanggung risiko dan menolak cabaran. Mereka tidak mempunyai fikiran diluar kotak dan menyebabkan terbantutnya perkembangan kualiti kehidupan di Malaysia.

Dan di dalam UMNO pula, hanya yang kurang cerdas dan suka membodek sahaja yang masih tinggal menjadi sisa yg membusuk. Itu pun UMNO sebut ahlinya masih 3 juta orang. Kenyataan bodek ler tu.

Wassalam Tun.

59.



60. [Log in to Reply](#) **TokJanggut** Aug 8, 2017 3:26 PM

Jagalah Hati

Jagalah hati jangan kau kotori

Jagalah hati lentera hidup ini

Jagalah hati jangan kau nodai

Jagalah hati cahaya ilahi

Bila hati kian bersih, berfikir pun selalu jernih

Semangat hidupkan gigih, prestasi mudah di raih

Tapi bila hati busuk, pikiran jahat merasuk

Aqhlak kian terpuruk, dia jadi mahluk terkutuk

(Kembali ke reff)

Bila hati kian suci, tak ada yang tersakiti

Pribadi menawan hati, ciri mukmin sejati

Tapi bila hati keruh, batin pun selalu gemuruh

Serasa diburu musuh, dengan Allah kian jauh  
(Kembali ke reff)

Bila hati kian lapang, hidup susah tetap senang  
Walau sulit menghadang, di hadapi dengan tenang  
Tapi bila hati sempit, segalanya jadi rumit  
Seakan hidup terhimpit, lahir batin terasa sakit  
(Kembali ke reff)

Bila hati kian benci, tutur kata penuh caci  
Perilaku tak terpuji, bisa jadi mahluk keji  
Namun bila penuh sayang, hati pun akan di sayang  
Hidup pun terasa lapang, hidup bersamakan senang  
(Kembali ke reff)

Bila hati penuh tawadhu', hidup indah semanis madu  
Aqhlak menawan qolbu, berpisah pun selalu dirindu  
Tapi bila hati takabur, hatipun selalu bergembur  
Merasa sehebat guntur, akhirnya masuk kubur  
(Kembali ke reff)

Bila hati penuh dendam, bagai api dalam sengkam  
Penuh bara kehancuran, hidup pun jadi mengerikan  
Tapi bila memaafkan, batin tentram menyejukkan  
Asal lawan jadi kawan, hidup damai kita rasakan  
(Kembali ke reff)

Bila hati iri dengki, tak rela orang dapat rezeki  
tak pernah mau memuji, hanya bisa mencaci maki  
Namun hati yang bersyukur, kebaikan tak pernah kendur  
Apalagi kalau kita akur, negri ini akan segera makmur  
(Kembali ke reff)

Bila hati bermusuhan, kedamaian hanya impian  
Ciwuh saling melumpuhkan, negri ampuh memilukan  
Namun bila hati bersatu, kekuatan kan terpadu  
Kita bangkit untuk maju, bangun negri yang kita rindu  
(Kembali ke reff)

**© 2017 Chedet — All Rights Reserved.**

Source: <http://chedet.cc/?p=2582>